

**DAP mula langkah tawan pedalaman Sarawak**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 11 , 2013**  
**OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Selepas memperolehi pertambahan kerusi terbanyak dalam Pakatan Rakyat (PR) ketika Pilihan Raya 2013, DAP kini mula mengorak langkah mewujudkan "kesedaran" kepada masyarakat pedalaman di Sarawak.

Parti itu hari ini mengumumkan program "Impian Sarawak" dengan mensasarkan pembangunan projek kemudahan asas seperti air dan elektrik di kawasan perkampungan di negeri Borneo itu.

"Sebagai parti politik kami tidak menafikan kesedaran itu penting," kata Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng ketika pelancaran Impian Sarawak di Ibu Pejabat DAP, di Kuala Lumpur hari ini.

Ketika diitanya sama ada projek berkenaan adalah persiapan DAP menjelang pilihan raya negeri berkenaan, Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, berkata parti itu hanya menjalankan projek sedemikian lanjutan daripada sambutan Hari Malaysia.

"Sempena Hari Malaysia, salahkan kita perlu merdeka dengan memberikan penduduk luar bandar kemudahan asas.

"Kita bukan sahaja perlu merdeka daripada penjajahan, tetapi juga bebas rasuah, korupsi, dan menimbulkan kesedaran kepada penduduk luar bandar," katanya.

Pada majlis pelancaran Impian Sarawak hari ini, Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, Tony Pua berkata, parti berkenaan memerlukan sokongan sumber manusia termasuk kewangan bagi merealisasikan projek yang dirancang.

"Kita mensasarkan lima projek sebulan dan satu projek memerlukan perbelanjaan sehingga RM20,000 hingga RM50,000.

"Keseluruhannya kita memerlukan antara RM300,000 sebulan," katanya.

Bagi tujuan itu, katanya, DAP akan melancarkan program kutipan dana bagi membiayai program berkenaan.

Pua, yang juga ahli Parlimen Petaling Jaya Utara berkata, pihaknya kini sudah memilih 50 sukarelawan selepas berita berkenaan perkara itu dimuat naik di laman Facebook miliknya.

"Kita pun memerlukan sukarelawan, tetapi jumlah agak terhad, mana kita hendak letak mereka, makanan mereka," katanya.

Justeru itu, DAP Selangor jelasnya akan menganjurkan program kutipan dana di Dewan Banquet Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada Khamis ini. - 11 September, 2013

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-mula-langkah-tawan-pedalaman-s>

arawak